

'Tiga faktor mesti diutamakan'

Kerajaan diminta tumpu sektor kesihatan awam antara khidmat paling tertekan

Oleh Mohamed Farid Noh dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Proses vaksinasi, keupayaan sistem kesihatan negara serta kadar kebolehtangkitan (Rt) COVID-19 adalah antara faktor perlu diberi tumpuan dalam Pelan Pemulihan Negara yang dijangka dibentangkan minggu ini.

Pakar perubatan berpendapat, penilaian terhadap sistem kesihatan awam perlu diutamakan dalam pelan berkenaan sebelum melihat keperluan untuk membuka sektor utama seperti ekonomi, pendidikan dan sosial.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Jabatan Mikrobiologi dan Parasitologi Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata situasi semasa sistem kesihatan negara perlu diberi tumpuan kerana ia kini dalam tekanan yang tinggi dan sudah melepasi paras ambang.

"Faktor penentu untuk pemulihan daripada krisis COVID-19 adalah sejauh mana kemampuan petugas barisan hadapan menampung beban tekanan akibat peningkatan kes.

"Laksana pendekatan *suppression strategy*, iaitu tidak seketat

elimination strategy seperti New Zealand, China dan Australia.

"Pendekatan kita lebih kepada langkah mengawal penularan wabak yang dibuat melalui arahan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP), pola tingkah laku dan pengesanan kontak, tetapi jika kes masih tinggi dengan kes aktif sekitar 80,000, agak sukar pelan ini dilaksanakan," katanya.

Dr Malina berkata, jika kes aktif turun sehingga 20,000, langkah untuk memulakan pelan pemulihan adalah betul, tetapi jika sebaliknya, ia akan beri tekanan kepada petugas barisan hadapan kerana perlu merawat jumlah pesakit yang ramai.

Katanya, kerangka pelan pemulihan tidak boleh melihat jumlah kes harian COVID-19 semata-mata, tetapi turut perlukan petunjuk lain termasuk kadar Rt, jumlah pesakit kritikal di unit rawatan rapi (ICU) serta keupayaan fasiliti kesihatan termasuk di pusat kuarantin dan hospital medan.

"Liputan vaksinasi lebih menyeluruh juga antara elemen penting dalam strategi untuk pelan pemulihan. Jika jumlah individu divaksinasi meningkat dalam tempoh dua hingga tiga minggu akan datang, ia akan menyokong pemulihan.

"Jika sekurang-kurangnya 20 peratus rakyat Malaysia sudah divaksinasi, ia petunjuk yang agak memberangsangkan dan baru boleh dimulakan pelan pemulihan ini," katanya ketika dihubungi BH semalam.

Bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Rohaizat Yon, berkata pelan pemulihan perlu dilaksanakan selari dengan strategi am digariskan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Perlu diambil kira situasi semasa, misalnya adakah ICU, wad untuk menampung pesakit COVID-19



Dr Rohaizat Yon,
Bekas Timbalan
Ketua Pengarah
Kesihatan

Jika kes aktif turun sehingga 20,000, langkah untuk memulakan pelan pemulihan adalah betul



Dr Malina Osman,
Pakar perubatan
awam

Katanya, pelan itu boleh berjaya jika sistem kesihatan awam diperkukuh dan berada tahap terbaik dengan mengambil kira kapasiti tenaga kerja, peralatan, ubat-ubatan dan perkhidmatan vaksinasi secara menyeluruh.

"WHO menggariskan enam prinsip umum yang turut mengambil kira kemampuan sistem kesihatan. Jadi kita perlu membangunkan strategi dan kemudian aktiviti ke arah itu.

"Ada banyak perkara, pertama pastikan kekurangan tenaga ker-

ja termasuk doktor, jururawat dan atendan diatasi.

"Bagi memastikan kita dapat keluar daripada krisis COVID-19, faktor tenaga kerja (perkhidmatan kesihatan) perlu dimantapkan terlebih dahulu. Kriteria penting lain adalah peralatan dan kemudahan dalam sistem kesihatan awam.

"Selain itu, perlu diambil kira situasi semasa, misalnya adakah ICU, wad untuk menampung pesakit COVID-19 serta Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) mencukupi," katanya.

Beliau berkata, kebolehcapaian terhadap vaksinasi dan bekalan vaksin mencukupi juga antara elemen penting bagi memastikan kejayaan kerangka pelan pemulihan negara selaras kesedaran masyarakat yang makin menyedari kepentingan vaksinasi.

"Persoalannya, adakah bekalan vaksin dan pusat pemberian vaksin (PPV) boleh menampung keperluan itu. Suntikan pelalian bagi fasa tiga perlu disegerakan bagi memastikan penularan jangkitan dapat diturunkan.

"Jika dilihat, golongan usia 20 hingga 40 tahun adalah kumpulan terbesar penyumbang kes positif COVID-19 ketika ini dan mereka juga yang banyak melakukan aktiviti di luar, termasuk bekerja," katanya.

Strategi lain, katanya, adalah memperbanyakkan PPV berskala sederhana agar orang ramai tidak tertumpu dan bersedak di lokasi sama, malah memudahkan rakyat berurusan dan lebih penting dapat mengelakkan penularan COVID-19, berbanding membuka lebih banyak PPV mega.

Di Johor Bahru, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Is-

mail Sabri Yaakob ketika ditemui media selepas meninjau Hospital Medan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) semalam, berkata pelan pemulihan boleh dilaksanakan apabila imuniti kelompok dicapai atau sekurang-kurangnya 60 peratus rakyat divaksin.

"Vaksinasi rakyat bagi mencapai imuniti kelompok adalah ketupaan kerajaan kini sebelum pelan pemulihan dapat dilaksanakan. Kerajaan akan adakan mesyuarat khas mengenai pelan ini minggu depan bagi memperincikan rancangan keluar daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara keseluruhan.

"Namun, paling utama ketika ini adalah vaksinasi rakyat. Jika kita boleh capai imuniti kelompok dengan segera seperti disasarkan atau sekurang-kurangnya selepas 60 peratus rakyat dapat divaksinasi, kita percaya perlahan-lahan negara boleh keluar daripada PKP secara menyeluruh," katanya.

Penganalisis Ekonomi dari Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, pula berkata pelan berkenaan perlu selari dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

Katanya, ia bagi memastikan jaminan terhadap tiga fokus utama, iaitu rakyat, perniagaan dan ekonomi, selain bersandarkan data, sains dan segala persiapan sudut pengurusan pandemik, ekonomi dan program vaksinasi.

"Ia juga mesti bersifat jangka panjang bagi memastikan proses pemulihan dibuat secara tersusun. Antara fokus utama diharapkan adalah tumpuan kepada penyediaan infrastruktur kesihatan serta keupayaan negara mengeluarkan vaksin," katanya.